

# KONSEP DAN STRUKTUR PERSEMBAHAN DALAM RITUAL MAMAPAK ETNIK RUNGUS DI SABAH

## *CONCEPT AND STRUCTURE OF PERFORMANCE IN RUNGUS ETHNIC MAMAPAK RITUAL IN SABAH*

Esterlina Moo Chin Len Lazarus<sup>1\*</sup>  
Muhammad Fazli Taib bin Saearani<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>2</sup>*Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI, Tanjung Malim, Perak*

*stherlaz@gmail.my*<sup>1\*</sup>

Dihantar/Received:28 September 2023 | Penambahbaikan/Revised:30 November 2023

Diterima/Accepted: 02 December 2023 | Terbit/Published: 20 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.4742>

---

## ABSTRAK

Kertas ini membincangkan konsep dan struktur persembahan ritual *mamapak* yang berkaitan secara langsung dengan Pesta Magahau etnik Rungus. Kehidupan harian etnik Rungus dahulu terikat dengan amalan kepercayaan tradisi, adat istiadat dan juga pantang larang yang telah diwarisi. Melaksanakan ritual *mamapak* sebelum mengadakan sebarang bentuk keramaian atau pesta adalah wajib dilakukan bagi tujuan keselamatan dan perlindungan mereka daripada gangguan kuasa-kuasa ghaib. Dengan demikian, perayaan hanya akan dijalankan setelah upacara ritual selesai dilaksanakan. Objektif kajian ini adalah menjelaskan konsep dan bentuk asal struktur persembahan ritual *mamapak*. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kaedah perpustakaan dan kerja lapangan seperti temu bual berfokus, pemerhatian dan rakaman audio visual. Hasil pemerhatian dan analisis mendapati bahawa faktor perkembangan dan penerimaan agama Kristian dalam kalangan etnik Rungus telah mengubah kepercayaan lama dan amalan tradisional sebelumnya. Seterusnya, mengadaptasi persembahan tradisi kepada bentuk yang relevan dan seajar dengan kehidupan semasa etnik Rungus. Sehubungan itu, kajian ini dapat menerangkan konsep dan struktur persembahan ritual *mamapak* etnik Rungus, dan memastikan kelestarian warisan tradisi untuk tatapan generasi Rungus seterusnya.

**Kata Kunci:** Ritual *mamapak*, struktur persembahan, Rungus, tradisional, Sabah

## **ABSTRACT**

*This paper discusses the concept and structure of the Mamapak ritual performance that is directly related to the Magahau festival of Rungus ethnicity. The daily life of the Rungus ethnic group used to be tied to the practice of traditional beliefs, customs and taboos that had been inherited. Performing the Mamapak ritual before holding any kind of gathering or party is mandatory for the purpose of their safety and protection from the interference of supernatural forces. Thus, the celebration will only be carried out after the ritual ceremony has been completed. The objective of this study is to explain the concept and original form of the Mamapak ritual presentation structure. This study uses a qualitative methodology involving library methods and field work such as focused interviews, observations and audio visual recordings. The results of observation and analysis found that factors of the development and acceptance of Christianity among the Rungus ethnic group have changed the old beliefs and previous traditional practices. Next, adapt the traditional performance to a form that is relevant and in line with the current life of the Rungus ethnic group. Accordingly, this study can explain the concept and structure of the Mamapak ritual performance of Rungus ethnicity, and ensure the sustainability of traditional heritage for the next generation of Rungus.*

**Keywords:** Mamapak ritual, performance structure, Rungus, traditional, Sabah

## **PENGENALAN**

Etnik Rungus ialah kumpulan etnik yang asalnya tinggal di bahagian utara Sabah, iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas (Appel, 1965: Porodong, 1997). Namun kini, penempatan mereka boleh ditemui di seluruh Malaysia mahupun di luar negara atas pelbagai faktor seperti pekerjaan, perniagaan, perkahwinan dan sebagainya. Faktor lain yang mendorong migrasi etnik Rungus ialah serangan serangga perosak pada tanaman yang berlanjutan selama tiga tahun mendorong sebilangan besar etnik Rungus meninggalkan kampung halaman untuk mencari kehidupan yang lebih baik (Appel (1972). Etnik Rungus tradisi menjalankan aktiviti pertanian secara berpindah randah (Appel, 1965: Porodong, 1977). Mereka mengusahakan tanaman padi dan jagung, berburu dan menternak haiwan sebagai sumber makanan. Biasanya, mereka menternak ayam dan khinzir kerana selain sumber makanan, haiwan ternakan ini menjadi bahan sajian penting dalam setiap upacara ritual yang dilakukan oleh etnik Rungus. Begitu juga, etnik Rungus lebih suka dikenali sebagai Momogun Rungus (Appell, 1963). Terdapat lima subkumpulan penutur dalam etnk Rungus iaitu dialek Rungus, Nulu, Gonsomon, Pilapazan dan Gandahon (Raymond Majumah, 2015: Porodong, 2012 & Appell, 1963). Faktor lokasi penempatan yang membezakan dialek pertuturan mereka, tetapi dari aspek yang lain masih sama misalnya adat resam, kepercayaan dan kebudayaan mereka. Di mana sekalipun lokasi penempatan mereka, etnik Rungus masih mengamalkan konsep tinggal di rumah panjang (*binatang*), sejenia rumah yang dibina bersambungan daripada rumah induk.

Etnik Rungus termasuk dalam rumpun Kadazan Dusun kerana terdapat banyak persamaan dari segi bahasa, budaya dan kepercayaan (Topin, 1996). Misalnya, etnik Kadazan Dusun mempercayai mitos asal-usul nenek moyang mereka adalah berasal dari tempat yang dikenali sebagai Nunuk Ragang atau pokok Ara Merah. Tidak terkecuali, etnik Rungus juga yakin bahawa mereka berasal dari kampung yang bernama Nunuk Ragang sebelum bermigrasi ke daerah Kudat (Raymond Majumah, 2015). Manurut Marlenny Deenerwan (2014), etnik Dusun percaya bahawa Nunuk Ragang terletak di Kampung Balisok, daerah Ranau. Tambahnya lagi, di awal penempatan Nunuk Ragang dalam keadaan makmur sejahtera tetapi

penempatan tersebut menjadi padat dengan penduduk. Ini mendorong kepada sebilangan besar penduduk untuk keluar mencari penempatan baharu. Peristiwa ini telah menyumbang kepada penyebaran penempatan etnik Dusun. Kemudian rumpun dalam Kadazan Dusun berpecah dan membentuk pelbagai etnik yang wujud pada masa ini (Arena Wati, 1978; Hamiddun, 1991& Low, 2006). Pada tahun 2016, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) telah mengiktiraf etnik Rungus sebagai etnik penuh (Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2021:42). Melalui hasil kajian etnik Sabah 2008 oleh LKNS, terdapat 35 jumlah etnik penuh, sebanyak 217 jumlah sub etnik di Sabah. Secara keseluruhannya, jumlah etnik yang terdapat di Sabah ialah 252 termasuk etnik penuh dan sub etnik.

Etnik Rungus secara tradisinya menyambut pelbagai jenis upacara dan perayaan yang diwarisi secara turun-temurun dan mempraktikannya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sistem kepercayaan etnik Rungus mirip kepada kepercayaan animisme atau dipanggil *labus* dalam kalangan etnik Rungus, kerana mereka percaya kewujudan alam ghaib yang mempengaruhi perjalanan hidup sehari-hari mereka. Dan kepercayaan ini terbahagi kepada dua sumber iaitu percaya kepada *rogon* (roh-roh jahat) dan *osundu* (roh-roh baik) atau dipanggil juga *lumaag* (Umpung Gumama Do RE@D Matunggong, 2009:7). Kepercayaan kepada *rogon* membawa kesengsaraan kepada etnik Rungus yang seolah-olah menjadi hamba kepada *rogon* dengan sering melakukan upacara penyembahan (Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2021: 44). Keadaan ini mendorong kebergantungan mereka pada upacara penyembahan kepada *rogon* setiap kali berlakunya kejadian buruk yang menimpa mereka seperti penyakit, kematian dan sebagainya, yang diyakini adalah angkara perbuatan *rogon*. Pelaksanaan upacara penyembahan ini menjadikan *rogon* berasa senang hati dan ingin berkawan dengan etnik Rungus dengan cara memberi kebaikan seperti tidak menganggu kehidupan harian mereka. Sebaliknya, tanpa pelaksanaan upacara penyembahan akan mengancam kemakmuran dan keharmonian hidup etnik Rungus. Sementara kuasa *osundu* pula bertindak untuk melindungi etnik Rungus daripada *rogon*. Meskipun *osunda* menjadi harapan untuk melindungi mereka, etnik Rungus masih perlu mengadakan upacara sebagai tanda penghormatan atau memberi makan kepada kuasa *osunda* untuk menunaikan hajat dan menerima keberkatan daripada *osundu*.

## UPACARA MAMAPAK ETNIK RUNGUS


Terdapat pelbagai jenis upacara ritual yang diwarisi oleh etnik Rungus daripada generasi sebelumnya, yang dikategorikan mengikut keperluan pelaksanaan ritual tersebut. Terdapat tiga kategori ritual milik etnik Rungus iaitu ritual kecil, ritual sederhana dan ritual besar. Membezakan pelaksanaan ritual mengikut kategorinya adalah bergantung kepada sajian persembahan yang diperlukan (Porodong Magilin, temu bual, 18 Ogos, 2016). Contoh ritual adalah ritual *monoliw*, ritual *tumoron* dan ritual *moginum*. Upacara ritual *mamapak* yang diadakan oleh etnik Rungus bagi melindungi diri mereka daripada kuasa alam ghaib dengan harapan ingin mewujudkan suasana kehidupan yang makmur dan sejahtera (Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2021:45). Ini seajar dengan fungsi pelaksanaan ritual *mamapak* yang bertujuan untuk memanggil atau menyeru semangat-semangat yang berkuasa terhadap kemakmuran dan kesejahteraan hidup sesebuah keluarga dengan cara mengadakan persembahan ritual yang dikendalikan oleh seorang *bobolizan* Rungus (Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2022:4). *Bobolizan* Rungus akan menjadi pengantara antara manusia dengan alam ghaib dalam mencapai kesepakatan bersama.

Etnik Rungus akan mengadakan Pesta Magahau sebaik sahaja ritual *mamapak* selesai dilaksanakan. Pesta ini akan disambut bersama oleh beberapa buah keluarga di rumah panjang,

satu kampung ataupun beberapa buah kampung turut serta (Hamdan, J. *et al.*, 2023; Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2022). Pesta Magahau ini tidak sewenang-wenangnya diadakan oleh etnik Rungus dahulu kerana terikat dengan aturan tradisi yang melarang pesta ini diadakan sekiranya tiada upacara ritual dilakukan terlebih dahulu. Menurut Ranjalmal Montuduk (temu bual, 20 Mac, 2018), sekiranya berlaku pelanggaran aturan tradisi, *rogon* akan memberikan kesusahan kepada etnik Rungus sehingga melibatkan kematian. Tambahnya lagi, etnik Rungus dibelenggu ketakutan dengan kuasa *rogon*, mengambil pengajaran daripada kengerian cerita yang berlaku pada si Boloti, iaitu sebuah mitos etnik Rungus.

## KONSEP DAN STRUKTUR PERSEMPAHAN RITUAL MAMAPAK

Ritual *mamapak* adalah satu bentuk upacara yang dilakukan oleh etnik Rungus dan upacara tersebut hanya boleh berlangsung di atas sebuah *pinapakan* yang dibina khas untuk ritual tersebut. *Pinapakan* adalah sebuah pondok kecil yang dibina menggunakan kayu-kayu bulat yang sederhana besar dan lurus, diambil dari hutan oleh golongan remaja lelaki Rungus pada waktu pagi. Ritual *mamapak* terbahagi kepada dua cara pelaksanaannya iaitu *papak taraat* dan *papak tavasi* (Lazarus, E. M. C. L *et. al.*, 2021;2022). *Papak taraat* adalah ritual yang melibatkan *rogon* yang berkaitan dengan kematian iaitu pelaksanaan ritual *mongukas* atau *lumuvas*. Manakala, ritual *papak tavasi* adalah untuk *Bambarazon* iaitu Tuhan atau semangat padi bagi etnik Rungus.



**Rajah 1.** Konsep upacara *mamapak*

Konsep pelaksanaan ritual *mamapak* ditunjukkan dalam Rajah 1, iaitu ritual ini terbahagi kepada dua cara pelaksanaannya dengan mengambil kira tujuan ritual tersebut dilakukan. Misalnya, proses ritual yang berkaitan dengan kematian akan melibatkan ritual *papak taraat*, kemudian diikuti *papak tavasi* dan setelah selesai dua proses tersebut, etnik Rungus akan mengadakan Pesta Magahau sebagai tanda berakhirnya upacara tersebut. Biasanya, upacara ini akan mengambil masa selama dua atau tiga hari untuk menyempurnakan ritual sebelum mengadakan keramaian. Sebaliknya, upacara yang hanya melibatkan *papak tavasi* dapat selesaikan dalam tempoh masa sehari. Sebaik sahaja ritual *papak tavasi*

dilaksanakan, maka etnik Rungus mula menyambut Pesta Magahau. Perlu dijelaskan bahawa upacara *mamapak* merupakan ritual penting dan wajib dilaksanakan sebelum etnik Rungus mengadakan Pesta Magahau.

## PROSES PERSEMBAHAN RITUAL MAMAPAK

Persembahan ritual *mamapak* ini dianalisis menerusi kerja lapangan penyelidik di Kampung Narandang Laut, di daerah Pitas pada 3 Jun 2023. Menerusi kajian penyelidik sebelumnya, pelaksanaan ritual *mamapak* di daerah Pitas dan daerah Kudat memperlihatkan sedikit perbezaan. Namun, konsep dan struktur persembahan ritual *mamapak* masih sama iaitu melibatkan tiga proses pelaksanaannya dalam memastikan upacara tersebut mendapat keberkatan daripada *rogon* dan *osundu*. Tiga proses pelaksanaan tersebut ialah persiapan sebelum mengadakan ritual, semasa ritual berlangsung dan selepas ritual *mamapak* dilaksanakan.

### Sebelum Ritual Mamapak

Setelah tarikh ditetapkan oleh ahli keluarga, mereka akan membina *bolozungan* iaitu sebuah pondok kecil yang dibina sementara, bersambung dengan rumah induk keluarga. *Bolozungan* ini berfungsi sebagai ruang penyimpanan barang-barang upacara. Segala kerja-kerja yang berkaitan dengan upacara akan dilakukan dalam *bolozungan* seperti proses membuat *kinomol* (tapai atau arak beras) yang akan dihidangkan semasa upacara berlangsung. Oleh itu, bagi memudahkan pengurusan barang-barang sajian persembahan ritual, maka terdapat pintu masuk dan keluar dari *bolozungan* melalui rumah tersebut. *Bolozungan* dibina sebulan lebih awal daripada upacara tersebut (Bansawan bin Mongurantai, temu bual, 3 Jun 2023). Rajah 2 menunjukkan bentuk dan struktur *bolozungan* yang digunakan semasa upacara ritual *mamapak*.

Keterangan	Persiapan <i>bolozungan</i>
<i>Bolozungan</i> dibina bersambung rumah induk	
Pintu luar <i>bolozungan</i>	

Tangga dibina dari dalam bolozungan bagi meudahkan pergerakan ahli keluarga. Tangga ini bersambung dengan ruang tamu rumah induk.		
---	--	--

**Rajah 2. Bolozungan**

Persediaan seterusnya ialah dengan membina sebuah *pinapakan* yang berfungsi sebagai tempat pelaksanaan pemujaan yang dilakukan oleh *bobolizan* Rungus. *Pinapakan* merupakan sebuah pondok terbuka dan dibina berhampiran kediaman keluarga yang bakal mengadakan ritual *mampak*. *Pinapakan* dibina dengan menggunakan kayu-kayu bulat yang tidak kemas atau lurus.



**Rajah 3. Pinapakan**

### Semasa Ritual Mamapak

Perlu dijelaskan bahawa, proses dan struktur persesembahan ritual *mamapak* adalah berbeza pelaksanaannya mengikut aturan tradisi. Merujuk Rajah 4, terdapat dua jenis upacara *mamapak* iaitu *Papak Taraat* dan *Papak Tavasi*. Bagi upacara *Papak Taraat*, setelah pihak keluarga menyediakan *bolozungan* dan *pinapakan*, langkah seterusnya ialah ahli keluarga akan menziarahi perkuburan si mati. Ini kerana *Papak Taraat* melibatkan ritual kematian iaitu

*lumuvas* atau *mongukas*. Ritual ini merupakan penghormatan terakhir oleh ahli keluarga kepada si mati. Ritual *lumuvas* atau *mongukas* bermaksud membebaskan ahli keluarga daripada hubungan dengan si mati.



**Rajah 4.** Menziarahi tanah perkuburan

Semasa menziarahi si mati di tanah perkuburan, seseorang akan dilantik sebagai ketua rombongan dan pada kebiasaannya terdiri daripada ahli keluarga yang telah berumur dan berilmu dalam hal-hal berkaitan dengan adat kematian (adat di dalam tanah). Wakil keluarga ini akan memimpin upacara ritual *lumuvas* atau *mongukas*. Mereka akan membawa bersama *runggou* (sejenis tempayan) berisi *kinomol* sebagai *tulidan* (merujuk kepada si mati), yang dikhaskan untuk ritual *lumuvas* atau *mongukas*. Ahli keluarga yang lain juga turut membawa bersama *kinomol* untuk diminum setelah selesainya ritual tersebut. Aturan tradisi, semua *kinomol* yang dibawa ke tanah perkuburan hendaklah dihabiskan terlebih dahulu sebelum meninggalkan perkuburan tersebut.

Setelah selesai acara di perkuburan, upacara seterusnya ialah membuka *dompihot* oleh ahli keluarga, isteri atau suami si mati. *Dompihot* adalah perbuatan membungkus pakaian si mati. Selain pakaian si mati, terdapat juga pakaian salah satu ahli keluarga yang dibungkus bersama dalam *dompihot* dan disimpan sehingga tiba hari *lumuvas* atau *mongukas* (Porodong, 2010:162). Upacara *dompihot* ini sebagai tanda bahawa keluarga tersebut sedang berkabung. Ahli keluarga akan berkumpul dan sama-sama menyaksikan upacara *dompihot*. Suasana diselubungi kesedihan semasa upacara *dompihot* berlangsung (Rujuk Rajah 5).



**Rajah 5.** Suasana upacara *dompihot*

Upacara *dompihot* selesai dengan tanda memberikan *kinomol* kepada setiap ahli keluarga. Selesai acara meminum *kinomol*, maka ahli keluarga akan bergegas ke tapak *pinapakan* untuk acara *mamapak*. Ritual *mamapak* akan dikendalikan oleh *bobolizan* Rungus. Ruang *pinapakan* ini adalah tempat berlangsungnya upacara tersebut. *Bobolizan* dan ahli keluarga akan berdiri bersama dalam ruangan ini semasa upacara sedang berlangsung. Bahan sajian penting dalam upacara adalah *kinomol* yang diisi dalam tajau atau tempayan dan seekor khinzir. Manakala ritual *papak tavasi* tidak terlibat dengan upacara ritual *lumuvas* atau *mongukas* memandangkan ritual *papak tavasi* dilakukan bertujuan untuk kesejahteraan dan ekonomi keluarga etnik Rungus. Keterangan bergambar mengenai urutan dan peralatan keperluan semasa ritual *mamapak* berlangsung adalah seperti dalam Rajah 6.

Keterangan	Peralatan Persembahan
Etnik Rungus menggunakan tajau atau tempayan sebagai bekas menghasilkan <i>kinomol</i> , iaitu minuman tradisi etnik Rungus semasa upacara ritual dijalankan. <i>Kinomol</i> adalah sejenis air yang memabukkan dan juga dipanggil sebagai <i>tapai</i> . Air <i>kinomol</i> diperbuat daripada beras yang diperam untuk beberapa tempoh masa. <i>Kinomol</i> ini akan dihidangkan setelah <i>bobolizan</i> selesai <i>monguhok</i> (aji/mantera/jampi).	
Khinzir yang disediakan mestilah haiwan ternakan peliharaan dan masih belum melahirkan anak. Tiada ketetapan saiz haiwan yang dipersembahkan kepada roh ghaib, tetapi bergantung kepada permintaan daripada pihak keluarga. Semakin banyak permintaan, maka semakin banyak bilangan khinzir yang akan dikorbankan sebagai persembahan.	
<i>Bobolizan</i> dan ahli keluarga akan berdiri bersama-sama dalam ruang <i>pinapakan</i> ketika upacara sedang berlangsung. Seekor khinzir akan diikat di depan tiang <i>pinapakan</i> (menghadap <i>bobolizan</i> ) sebagai bahan sajian kepada roh si mati.	

<p>Setelah selesai tugas <i>bobolizan</i>, khinzir yang diikat ditiang <i>pinapakan</i> akan dibunuh sebagai korban sajian kepada kuasa ghaib (roh si mati).</p>	
<p>Setelah <i>kinomol</i> yang diisi dalam tempayan habis diminum, upacara seterusnya ialah memecahkan tempayan tersebut sebagai simbolik majlis telah selesai.</p>	

**Rajah 6.** Urutan dan peralatan keperluan semasa ritual *mamapak* berlangsung

### Selepas Ritual Mamapak

Anggota keluarga akan bergembira dengan menarikan tarian *Mongigol-Sumundai* (Rajah 7) sebagai tanda adat kematian telah selesai dilaksanakan. Tarian *Mongigol-Sumundai* merupakan tarian tradisi etnik Rungus (Pangayan, V. B., 2020), yang ditarikan oleh lelaki Rungus (*Mongigol*) dan wanita Rungus (*Sumundai*). Sebagai penghormatan, tarian *Mongigol-Sumundai* akan ditarikan oleh anggota keluarga terdekat, dimulai sama ada balu si mati, duda si mati, anak-anak, adik beradik dan saudara mara si mati. Setelah semua amalan tradisi telah dipenuhi, maka bermulanya perayaan Pesta Magahau etnik Rungus.



**Rajah 7.** Tarian *Mongigol-Sumundai*

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sistem kepercayaan dan amalan tradisi etnik Rungus telah mencipta satu konsep pemujaan dan keterikatan hidup komuniti Rungus terhadap kuasa-kuasa ghaib yang diyakini bertindak balas dengan perilaku dan kejadian persekitaran hidup mereka. Justeru itu, ritual *mamapak* merupakan upacara pemujaan yang menjadi amalan wajib dalam komuniti Rungus dahulu sebelum mengadakan Pesta Magahau. Struktur persembahan dalam ritual Mamapak dikategorikan kepada dua iaitu ritual *Papak Taraat* dan ritual *Papak Tavasi* yang dikendalikan oleh *bobolizan*. Walau bagaimanapun, menerusi kajian lapangan yang dilakukan oleh penyelidik, ritual ini semakin terpinggir disebabkan hanya sebilangan kecil etnik Rungus yang masih mengamalkan kepercayaan lama, sebaliknya sebahagian etnik Rungus telah beragama Kristian atau Islam. Secara tidak langsung memberi implikasi kepada proses kelunturan identiti etnik Rungus sekiranya tiada tindakan pelestarian dari pihak-pihak berwajib.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Geran penyelidikan FRGS: FRGS/1/2022/SSI06/UMS/03/1 Project ID: 21244 (Penerokaan Simbol dan Fungsi Liminaliti Ritual Mamapak Etnik Rungus untuk Kelestarian Warisan Budaya Tempatan). Kami mengucapkan terima kasih kepada rakan sejawat dan ahli geran penyelidikan di atas pandangan dan kepakaran yang banyak membantu dalam penyelidikan.

## RUJUKAN

- Appell, G. N. 1963. Myths and Legends about Rungus of the Kudat District. *The Sabah Society Journal*. 4: 9--15.
- Appell, G. N. 1965. The Nature of Social Groupings Among the Rungus Dusun of Sabah, Malaysia. Dissertation submitted for the degree of Ph.D., The Australian National University.
- Appell, G.N. 1972. The Rungus Dusun. In Frank Lebar (ed.) *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia, Andaman and Madagascar*. New Haven: Yale University Press.
- Arena Wati. (1978). Pribumi Sabah: Satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus dan hukum adat di Sabah. Sabah, Malaysia: Penerbit Yayasan Sabah.
- Benedict Topin. (2021). Kaamatan Our Sacred Festival. Koisaan Publication: Kota Kinabalu
- Clinson Mojijang & Maureen De Silva. (2020). Peranan Prostetant Church di Sabah (PCS) dalam Perkembangan Sosial Masyarakat Rungus 1952-1993 di Kudat, Sabah. *Jurnal Borneo Arkhailogia, Volume 5 (1)*, 89-104.
- Hamdan, J., Ationg, R., Esa, M. S., Othman, I. W., & Mokhtar, S. (2023). Unsur Politik Dan Pentadbiran Dalam Pesta ‘Magahau’ Etnik Momogun Rungus Di Sabah, Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 19-30.
- Joisin Romut, Denis J. Sading & Flora Iban 2013. Inventori budaya etnik negeri Sabah: Etnik Momogun Rungus. (ed). Kota Kinabalu, Sabah: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2022). Magahau Rungus: Dari Upacara Ritual Ke Pesta Keramaian. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 12(2).
- Lazarus, E. M. C. L., & Rahman, M. K. A. (2021). Magahau dan Hubungan dengan Kepercayaan Tradisi Etnik Rungus di Sabah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 41-48.
- Low, K. O. 2006. Reading symbols and mythical landscape in the "Tambunan Dusun origin myth" of north Borneo. *International Journal of Asia Pacific Studies* 2(2): 29–50.
- Low, K. O. 2013. *Collecting and Contextualising Sundait (Riddles) among the Rungus People of Sabah. Pertanika J. Sci. & Hum.Kemanusiaan*. 21 (3): 897-922.
- Malinowski, B. (1954). *Magic, science, and religion*. New York: Doubleday Anchor Books

- Marlenny Deenerwan. (2014). Bobolian Seni Teater Etnik Dusun. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Miyamoto, M. (2002). Legal culture in Sabah: A case study of the Rungus in Pitas and the Lotud in Tuaran. In *Sabah Museum monograph vol. 7: Cultural adaptation in Borneo*. Sabah, Malaysia: Department of Sabah Museum, 31–58.
- Mohd Kipli Abdul Rahman (2016) *Persembahan saba: suatu ritual penyembuhan dari perspektif kosmologi*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 12 (8). pp. 22-33.
- Pangayan, V. B. (2020). Tarian Mongigol-Sumundai Momogun Rungus Di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak: Mongogol-Sumundai. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10(2).
- Porodong, P. (2012). Rungus. *Dlm. Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain Di Sabah*. Ed. Kntayya Mariappan & Paul Porodong. Sabah, Malaysia: Universiti Malaysia Sabah, 109-128.
- Porodong, P (1977). Kemiskinan Di Kalangan Kaum Rungus Di Daerah Kudat, Sabah. Disertasi Sarjana. Univeesiti Malaya.
- Porodong, P. (2010) Adat dan Ritual Kematian Suku Rungus di Kudat.Dlm. Saidatul Nornis Hj. Mahali (ed.). Adat dan Ritual Kematian di Sabah (pp.145-164). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Raymond Majumah. 2015. *Rungus Peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rutter, O. (2007). *The pagans of north Borneo*. Sabah, Malaysia: Opus Publications.
- Topin, B. (1996). Sharing on Kadazandusun culture. *Sabah State Library, Penampang Branch, Penampang*.
- Umpung Gumama Do RE@D Matunggong. (2009). Rungus Do Matunggong. Kota Kinabalu: Perpustakaan Negari Sabah.

## INFORMAN

- Porodong bin Magilin. Temu bual. 18 Ogos 2016.  
 Ranjalmal bin Montuduk. Temu bual, 30 Julai, 2017 & 20 Mac, 2018  
 Mongulozi binti Moginzu. Temu bual, 3 Jun 2023  
 Bansawan bin Mongurantai. Temu bual, 3 Jun 2023  
 Razif Bin Somuil. Temu bual, 31 Mac 2023.